



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BELANJAWAN 2026: BELANJAWAN RAKYAT KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA TERUS DIPERKUKUH

PUTRAJAYA, 11 OKTOBER 2025 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik pembentangan Belanjawan 2026: Belanjawan Rakyat oleh YAB Perdana Menteri khususnya berkenaan keterjaminan makanan negara. KPKM yakin bahawa belanjawan yang diumumkan mampu memastikan cabaran sektor agromakanan dapat ditangani. Melalui peruntukan ini, KPKM akan terus memacu sektor agromakanan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang memfokuskan kepada pemodenan dan perkembangan sektor agromakanan bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara. Ini turut melibatkan kelestarian aktiviti pertanian dan pengukuhan infrastruktur pertanian serta menjaga kebajikan golongan sasaran.

Kejayaan penyasaran semula subsidi di bawah KPKM telah menjimatkan perbelanjaan negara melalui pengapungan harga ayam, telur dan penyasaran semula subsidi diesel.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2026, **KPKM telah diperuntukkan sebanyak RM6.87 bilion iaitu kenaikan sebanyak 7%** berbanding RM6.42 bilion pada tahun 2025. Peningkatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI bagi memastikan kecukupan dan keterjaminan bekalan makanan negara serta meningkatkan produktiviti sektor agromakanan demi kesejahteraan rakyat.

Bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara dan mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada import, **inisiatif utama keterjaminan makanan** yang diumumkan adalah seperti berikut:

- (a) **RM300 juta** bagi menjalin **kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri** untuk **memanfaat penggunaan tanah** bagi projek pertanian; dan
- (b) **RM55 juta** disediakan bagi **menyokong pengusaha buah-buahan tempatan**, antaranya insentif tanaman dan prasarana ladang nanas termasuk di Sarawak

serta tanaman buah-buahan yang lain seperti durian belanda, jambu air dan limau besar (limau bali).

Inisiatif Memperkukuh Industri Padi Negara

- (a) Bagi menyokong Program Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun:
 - (i) **Sistem Pengairan Tersier Fasa 1** di kawasan MADA Kedah dan Perlis akan diteruskan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga suku tahun kedua 2030;
 - (ii) **Projek Pemindahan Air Jeniang** dengan kos **RM1.28 bilion** akan mula dilaksanakan pada tahun 2026;
- (b) **Dana RM100 juta** diperuntukkan bagi **pemulihan tanah sawah bermasalah, penambahbaikan prasarana** termasuk mengguna pakai model sawah berteknologi moden; dan
- (c) **RM20 juta diperuntukkan** kepada **6,400 pesawah** untuk dibekalkan dengan **baja foliar untuk nutrien padi** dan **bahan kesuburan tanah sawah** bagi meningkatkan hasil tuaian.

Insentif Kepada Pesawah

- (a) **RM2.62 bilion** disediakan untuk pelbagai **subsidi dan insentif kepada pesawah** seperti subsidi harga padi, subsidi tanaman padi, subsidi baja, subsidi benih dan insentif pengeluaran padi; dan
- (b) Mulai tahun 2025, kadar **insentif pembajakan** dan **insentif racun** masing-masing **dinaikkan kepada RM160 dan RM300 sehektar semusim**. Kerajaan juga memperkenalkan **insentif baharu** iaitu **Insentif Penuaian Padi RM50 sehektar** semusim bagi menampung peningkatan kos penuaian berikutan penyasaran semula subsidi diesel. **Insentif ini akan diteruskan pada tahun 2026.**

Secara keseluruhan, setiap pesawah dianggarkan menerima insentif **RM4,300 sehektar semusim pada tahun 2026 berbanding RM3,790 sehektar semusim** sebelum ini.

Inisiatif Kepada Usahawan Tani

- (a) Pembiayaan berjumlah **RM1.1 bilion** disediakan oleh **Agrobank** untuk usahawan mengembangkan perniagaan serta menyokong automasi dan mekanisasi dalam projek pertanian;

- (b) Dana **RM20 juta** untuk **Program Agropreneur NextGen KPKM** bagi geran permulaan dan geran pengembangan projek pertanian;
- (c) Pengecualian **cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun** dilanjutkan sehingga 31 Disember 2030 kepada:
 - (i) Syarikat yang menjalankan projek baharu pengeluaran bahan makanan bagi tempoh 10 tahun;
 - (ii) Syarikat sedia ada yang membuat projek pembesaran bagi tempoh lima tahun; dan
- (d) **Galakan cukai automasi sektor pertanian** bagi penanaman, penternakan, apikultur, akuakultur dan perikanan laut dalam **turut diperluas kepada penternakan haiwan terpilih secara sistem reban tertutup** bagi menggalakkan automasi untuk menambah produktiviti pertanian.

Inisiatif Kepada Nelayan

- (a) **Insentif hasil tangkapan** sebanyak **RM160 juta**;
- (b) **Elaun sara hidup nelayan** sehingga **RM300 sebulan**;
- (c) **Diesel bersubsidi** dikekalkan pada **RM1.65 seliter** khusus untuk nelayan;
- (d) **380 rumah nelayan** akan dibaik pulih atau dibina baharu dengan peruntukan sebanyak **RM10 juta**; dan
- (e) **RM20 juta** disediakan untuk **menaik taraf vesel** bagi mengurangkan kebergantungan tekong dan kru asing serta **menggantikan pukot tunda Zon B** dan **pukot kenka dua bot** bagi mengurangkan vesel tidak lestari.

KPKM akan melaksanakan inisiatif Belanjawan 2026: Belanjawan Rakyat secara cekap mengikut tatakelola yang baik bagi memastikan semua golongan sasar di bawah KPKM akan mendapat manfaat daripada pengumuman ini. Saya yakin belanjawan ini pastinya akan terus memperkukuh keterjaminan makanan negara selaras dengan matlamat DAN 2.0.

Dikeluarkan oleh:

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
11 OKTOBER 2025